



SIARAN AKHBAR

286 PROGRAM PMKS BERNILAI LEBIH RM15 BILION KINI DILAPORKAN DALAM PELAN TINDAKAN BERSEPADU PKS



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bergambar bersama anggota mesyuarat sebelum mempengerusikan Mesyuarat Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (SEK-MPUPK) Bilangan 3 Tahun 2024. Turut kelihatan dalam gambar ialah YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (tiga dari kanan), YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (dua dari kiri) dan YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (dua dari kanan) merangkap Ketua Sekretariat SEK-MPUPK.

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2024 – Sebanyak 286 inisiatif serta program keusahawanan dan pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan peruntukan berjumlah RM15.06 bilion telah dilaporkan dalam Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) sehingga separuh penggal tahun 2024, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 10.8% berbanding tahun 2023.

Mesyuarat Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (SEK-MPUPK) Bilangan 3 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah hari ini turut dimaklumkan bahawa terdapat 40 program berjumlah RM32.8 bilion yang

sedang dikenal pasti perinciannya. Justeru, SEK-MPUPK telah bersetuju untuk mewajibkan pelaporan pencapaian semua inisiatif keusahawanan dan pembangunan PMKS di semua peringkat Kementerian, Agensi dan Kerajaan Negeri di mana ianya perlu dilaporkan dalam tempoh masa dua minggu dari tarikh mesyuarat berlangsung.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam kenyataannya menegaskan, “Penting untuk pelaporan inisiatif serta program keusahawanan dan pembangunan PMKS yang menyeluruh bagi mengurangkan pertindihan program dalam kalangan agensi seterusnya mengurangkan pembaziran sumber Kerajaan”.

“Sesungguhnya penyelarasan program PMKS berupaya memberikan impak yang signifikan. Ini jelas dibuktikan dengan pencapaian PMKS yang menunjukkan perkembangan positif hasil sokongan inisiatif dan intervensi Kerajaan. Terdapat pengurangan bilangan perusahaan bersaiz mikro sebanyak 16.9% iaitu daripada 923,667 perusahaan pada tahun 2022 kepada 767,421 perusahaan pada tahun 2023. Manakala, bilangan perusahaan bersaiz kecil meningkat sebanyak 35.8% dan bilangan perusahaan bersaiz sederhana bertambah sebanyak 7.9 peratus. Ini adalah satu petunjuk bahawa PMKS tempatan telah mula beralih ke tahap yang lebih tinggi”, menurut beliau lagi.

Sementara itu, YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pula berkata, “Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) selaku Kementerian peneraju dalam pembangunan usahawan dan PMKS telah melaporkan sebanyak 89 program dengan peruntukan berjumlah RM5.02 bilion yang merupakan pelaporan yang tertinggi bagi program keusahawanan dan PMKS. Inisiatif yang telah direncanakan, khususnya di bawah Pelan Strategik PMKS 2030 akan terus ditambah baik pelaksanaannya. Selain itu, bagi meningkatkan akses kepada maklumat untuk PMKS di Sabah dan Sarawak, KUSKOP juga akan mewujudkan Hab PMKS di wilayah tersebut di bawah seliaan SME Corp. Malaysia”.

Mengulas lanjut mengenai SMEIPA, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia menyatakan, “Sejajar dengan keputusan SEK-MPUPK, SME Corp. Malaysia akan menggiatkan usaha memantapkan pelaporan SMEIPA. Tindakan sewajarnya sedang dan akan dilaksanakan bagi membolehkan penjajaran dan koordinasi yang lebih bersepadu melibatkan semua program pembangunan usahawan dan PMKS oleh pelbagai Kementerian, Agensi dan Kerajaan Negeri. Bagi menambah baik pelaporan SMEIPA juga, penekanan akan diberikan kepada pelaporan berasaskan keberhasilan (*outcome*) di samping output sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan memastikan nilai ditambah dalam pembangunan PMKS untuk meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi negara”.

Dalam mesyuarat yang sama, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut dijemput untuk melaporkan berkenaan prestasi PMKS bagi tahun 2023. Berdasarkan data yang dikeluarkan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) PMKS terus mengatasi prestasi ekonomi keseluruhan negara. Pertumbuhan sebanyak 5.0% ini menyaksikan sumbangan PMKS meningkat kepada 39.1% (RM613.1 bilion). PMKS juga merekodkan peningkatan memberangsangkan pada tahun 2023 merentasi penunjuk makroekonomi utama lain seperti eksport (RM152.2 bilion bersamaan 12.2%), pekerjaan (7.86 juta pekerja bersamaan 48.5%) dan produktiviti (nilai ditambah sebenar pekerja sebanyak RM78,035).

Sebelum mempengerusikan Mesyuarat SEK-MPUPK hari ini, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi juga berkesempatan melawat Hab PMKS yang terletak di aras 4, SME Corp. Malaysia. Hab PMKS ini merupakan platform pusat rujukan setempat bagi PMKS untuk memperoleh pengetahuan mengenai perniagaan dan mendapatkan khidmat nasihat perniagaan. Selain dihadiri oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian anggota SEK-MPUPK, Mesyuarat tersebut juga telah dihadiri oleh YBr. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia merangkap Ketua Sekretariat SEK-MPUPK.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my